

'Midsummer Night Dreams'

Kolej E UMS tampil karya William Shakespear

U8 16/05/2012 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

BERLAINAN dengan konsep sebelum ini, majlis makan malam sempena Program 'Midsummer Night Dreams' Kolej Kediaman E, Universiti Malaysia Sabah (UMS) tampil dengan tema karya William Shakespear.

Dipenuhi dengan konsep pemakaian dunia khayalan, program itu tampil dengan pelbagai tema menarik seperti 'Fairytale', 'Masquerade', dan 'Classic English'.

Pengarah Program, Tuti Ema Yani Joseph berkata, Midsummer Night Dreams adalah karya sastera William Shakespear mengenai percintaan sepasang kekasih iaitu Lysander dan Hermia.

Menurutnya, perjalanan program berkenaan berdasarkan kisah percintaan kedua-dua pasangan yang terpaksa melalui pelbagai rintangan untuk hidup bersama.

Katanya, konflik karya ini mencipta satu jalan cerita yang menggabungkan kelab-kelab di bawah naungan Kolej Kediaman E sebagai sebuah persesembahan.

"Ia satu persesembahan yang membawa kelainan kali ini dan mendapat sambutan serta kritikan yang baik oleh semua yang terlibat pada malam itu.

"Antara kelab yang membawa persesembahan menarik termasuklah Kelab Lanterna Tari, Kelab Gema Pawana, Kelab E-Semtra, Kelab Kelwa, Kelab Nur Eman, Kelab Silat Kalimah, dan Kelab Orator," katanya kepada Utusan Borneo mengenai program berkenaan yang diadakan pada malam Sabtu lepas di Grand Ballroom 1Borneo.

Tuti berkata, konsep persesembahan lakonan teater pada malam itu juga dapat memupuk semangat kerjasama antara penghuni kolej.

Sementara itu, Pengetua Kolej Kediaman E, Dr. Andika Aziz Hussin berkata, usaha menganjurkan majlis seumpama itu sejahtera dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi yang mahu setiap graduan dilahirkan oleh setiap universiti berkualiti, sama ada dari segi akademik maupun kemahiran insaniah yang lain.

Beliau berharap, program seperti ini dapat diteruskan dan menjadi asas kepada mahasiswa UMS untuk menjadi generasi yang berguna kepada negara.

Dianjurkan buat kali ke-9, Midsummer Night Dreams bertujuan merapatkan lagi silaturahim antara golongan mahasiswa dengan pengetua, felo-felo dan jemputan khas.

Program terbabit direncanakan oleh Exco Kebudayaan dan Kesenian dan ia adalah acara tahunan Kolej Kediaman E.

Selain persembahan menarik daripada warga kolej, majlis itu turut menyampaikan pelbagai anugerah kepada beberapa penerima.

Antara penerima anugerah termasuklah, Anugerah Pengarah Program Terbaik, Mohamad Saiful Selama; Anugerah Felo Terbaik, Hasan Insi; Anugerah Exco Cemerlang, Noor Asyikin Ahmad; Anugerah Sukan Terbaik, Muhammad Awira; Anugerah Seni Budaya Individu, Azieyana Aziz; dan Anugerah Akademik Terbaik, Gan Siaw Chin.

Turut disampaikan Anugerah Pengurusan Blok Terbaik, Ibnu Haitham (A3); Anugerah Pengurusan Kelab Terbaik, Esyta Ashella Saibon; Anugerah Blok Tercantik, Blok A3; Anugerah Felo Berdedikasi, Derrick Tanggapan; Anugerah Rumah Tercantik, A1.1.9, A2.G.3, A3.1.11, B1.2.7, dan B2.2.16.

Selain itu, pihak pengajur turut menganugerahkan 'Prom King' kepada Mohamad Saiful Selama manakala 'Prom Queen' Deenawati Nawi.



BARISAN AJK pelaksana merakamkan kenangan bersama para tetamu jemputan selepas majlis itu.



ANDIKA (kiri) bersama Tuti semasa pelancaran simbolik perasmian.



PERSEMBAHAN menarik daripada Kelab E-Samtra.



SILAT Kalimah yang mencuri tumpuan penonton.



PENERIMA Anugerah 'Prom King'.